



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

- JAWATAN : PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED J41**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN**
- JADUAL GAJI (MIN – MAKS) : RM2,529.00 – RM9,643.00**
- KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 225.00**
- TARAF JAWATAN : KONTRAK/TETAP**
- BILANGAN : 1 JAWATAN DI JABATAN PERANCANG BANDAR**
- SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-**
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,736.28);
atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,943.84).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

TARIKH TUTUP IKLAN

: **1 MEI 2023**

CARA MEMOHON

(SILA BACA DENGAN TELITI SEBELUM MENGEMUKAKAN PERMOHONAN)

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di www.mpm.gov.my dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>.

CATATAN AM

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian / temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian / temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian / temu duga:
 - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
 - (ii) Laporan Nilain Prestasi Tahunan terkini
 - (iii) Surat perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong / tidak menyokong permohonan jawatan tersebut

.....
SYAMSULHAZEMAN BIN MD.SALLEH, PMP., AMP.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

TARIKH : 2 APRIL 2023 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.8